

05 SEP 1997

Umno-USul (Terima kasih)

UMAT ISLAM HARUS CEMERLANG SUPAYA BOLEH DICONTOHI DUNIA LUAR

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Umat Islam harus membina jatidiri bangsa sebagai satu umat Islam yang cemerlang yang apabila melaksanakan sesuatu akan menjadi contoh kepada dunia luar.

"Kita tidak mahu menjadi umat Islam yang hanya tahu hukum hakam Islam satu atau dua sahaja," kata wakil Pergerakan Pemuda Zaiyadi Awang Noh ketika mencadangkan usul mengucapkan terima kasih atas ucapan dasar Presiden parti pada Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Katanya, Umno tidak mahu serangan pemikiran penjajah masih menghantui anggota-anggotanya.

"Kita tidak harus terpesona dengan serangan pemikiran barat sehingga kita tafsir agama dari kaca mata barat dan lihat Islam dari kaca mata barat," katanya.

Zaiyadi, yang juga Ketua Pemuda Kelantan, berkata masyarakat jangan mudah terpukau dan lalai dengan kejayaan negara dan elakkan daripada menjadi mangsa serangan rancangan agung yang dibawa penyangak spekulator dari luar negara yang mengambil kesempatan untuk melemahkan sistem ekonomi negara.

"Kejayaan ekonomi biasanya melalaikan kita, kejayaan demi kejayaan dan ujian demi ujian biasanya melalaikan kita sehingga rasuah dan fitnah bermaharajalela.

Zaiyadi berkata bahawa menyedari gejala kekeliruan dan penafsiran yang berbagai-bagai mengenai Islam, telah sampai masanya pembedulan dilakukan mengikut kaedah tarbiyah, dakwah dan penyelarasan peraturan serta perundangan bagi melahirkan rupa bangsa Malaysia yang dihormati.

Katanya, perhimpunan juga menyokong tindakan tegas Presiden parti dan kerajaan dalam usaha membanteras amalan fitnah, rasuah, penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan wang yang telah menular seperti barah di dalam parti.

Ketika menyokong usul itu, wakil Perak Hamdi Abu Bakar berkata Dr Mahathir telah mengemukakan satu demi satu idea untuk menjamin bangsa Melayu dan Malaysia berjaya dan disanjung dunia termasuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"MSC telah membuka laluan kepada kekayaan maklumat untuk rakyat Malaysia ... MSC bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat Malaysia tetapi juga dunia," katanya.

Katanya, apa yang dilakukan kerajaan adalah selaras dengan kehendak Islam yang mahukan manusia maju dan untuk menjadi maju manusia mesti menguasai ilmu dan maklumat.

Wakil Kedah, Datuk Haji Badruddin Haji Amiruldin, mencadangkan sebuah badan dikenali sebagai Amanah Saham Harta Bumiputera diwujudkan bagi membantu orang Melayu memajukan tanah-tanah rizab di seluruh negara.

"Daripada dipajakkan tanah-tanah rizab itu kepada pihak lain yang berkemampuan seperti disyorkan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk dibangunkan, adalah lebih afdal diwujudkan satu tabung amanah untuk menyelamatkan tanah-tanah rizab Melayu itu," katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden.

Beliau berkata kutipan secara kecil-kecilan boleh dibuat di kalangan orang Melayu untuk mengisi tabung amanah itu dan apabila orang Melayu sudah mampu, mereka boleh membeli tanah-tanah rizab itu.

Badruddin, yang sering membangkitkan perkara, berharap badan yang berbentuk tabung amanah itu dapat diwujudkan segera bagi membantu menyelesaikan masalah ranah rizab Melayu.

Mengenai "peperangan sengit ekonomi" yang sedang dihadapi negara akibat perbuatan ahli kewangan Amerika Syarikat George Soros, Badruddin berkata tindakan tegas perlu diambil terhadap tokoh korporat, ketua eksekutif syarikat gergasi dan pakar ekonomi yang tidak berminat membantu mengatasi masalah itu.

"Mereka yang enggan membantu negara di saat-saat begini adalah bacul dan tidak sepatutnya dikurniakan lagi projek-projek yang sudah menguntungkan dan menjadi mereka kaya raya," katanya.

Wakil Terengganu, Abdul Rahim Mohamad Said, mencadangkan supaya satu program bersepadu dilaksanakan oleh kerajaan untuk mendedah dan mendidik masyarakat luar bandar dengan pengetahuan teknologi maklumat (IT) seperti yang pernah dilakukan dalam usaha pembasmian buta huruf pada tahun 1970-an.

Beliau berkata usaha itu penting bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak jauh ketinggalan dalam bidang IT berbanding masyarakat bandar.

Beliau turut mencadangkan supaya Dr Mahathir diberi gelaran "Tokoh Muamalah Dunia" kerana usahanya melaksanakan konsep perniagaan Islam seperti mewujudkan Bank Islam Malaysia dan Syarikat Takaful, yang kini menjadi rujukan banyak negara lain.

Wakil Perlis, Abu Bakar Ismail, pula mencadangkan supaya barisan kepimpinan parti dikekalkan kerana pemimpin seperti Dr Mahathir dan timbalannya masih mampu memimpin Umno dan kerajaan.

Katanya keperluan menukar kepimpinan dalam kerajaan perlu dikaji dan dilihat dalam perspektif kepentingan perjuangan politik Umno dan kerajaan Barisan Nasional.

"Janganlah proses menukar pemimpin semata-mata kerana mahu memberi peluang kepada muka baru. Prinsip ini bukan menafikan kemampuan golongan pelapis," katanya dan menambah dalam keadaan tertentu proses peralihan tetap berlaku dan biarlah proses itu berlaku bila sampai masanya.

Wakil Pulau Pinang, Tajul Arus Nordin, menyarankan supaya semua pertandingan parti dari peringkat atas hingga ke bawah ditangguhkan sehingga pilihan raya umum akan datang.

"Dalam keadaan sekarang kita tidak harus fikirkan nak naikkan sesiapa atau nak jatuhkan sesiapa," katanya disambut tepukan para perwakilan.

Beliau berkata pertandingan bagi jawatan dalam parti pada masa ini tidak perlu kerana Umno perlukan kestabilan dan kepimpinan yang berkesan di semua peringkat.

"Keutamaan sekarang ialah untuk kita menyelamatkan negara," katanya dan meminta budaya berpuak-puak dan kegiatan anti-pemimpin yang masih wujud dalam Umno sekarang harus diselesaikan dengan segera menerusi nilai-nilai Islam.

Wakil Pahang, Abdul Fatah Abdullah, pula mencadangkan supaya diwujudkan satu mekanisma dalam Umno bagimengingati dan menasihati antara satu sama lain untuk terus mengukuhkan parti.

Beliau juga mencadangkan supaya buku "Dilema Melayu" karya Dr Mahathir diringkaskan untuk memperjelaskan inisiatif dan mesejnya.

Seramai enam orang mengambil bahagian dalam perbincangan hari ini. Perbincangan akan disambung esok. --BERNAMA

ARA NAK